



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 65  
No. 12

**24hb Mac 2022**

*TAMBAHAN No. 3  
PERUNDANGAN*

---

---

## **K. P.U. 3.**

### **AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)  
(MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU) (PINDAAN) 2022**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Majlis Perbandaran Kubang Pasu membuat perintah yang berikut:

#### **Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Kubang Pasu) (Pindaan) 2022**.

#### **Pindaan perenggan 1**

2. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kubang Pasu) 2016 [*K.P.U. 8/2016*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan memotong subperenggan (5).

#### **Pindaan perenggan 2**

3. Perenggan 2 Perintah ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “alat peraga bereletronik”, dengan menggantikan perkataan “caj ditetapkan” dengan perkataan “caj yang ditetapkan”;

- 
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “alat peraga berelektronik” takrif yang berikut:
- ‘ “peranti telekomunikasi” ertinya apa-apa alat elektronik selain suatu telefon mudah alih yang dapat digunakan untuk membuat capaian kepada perkhidmatan aplikasi yang diluluskan oleh Majlis;’;
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “atendan letak kereta” takrif yang berikut:
- ‘ “pembayaran secara atas talian” ertinya pembayaran apa-apa caj yang ditetapkan yang dibuat secara atas talian oleh mana-mana orang menggunakan perkhidmatan aplikasi yang diluluskan oleh Majlis melalui telefon mudah alih atau mana-mana peranti telekomunikasi yang lain;’;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “peranti telekomunikasi” takrif yang berikut:
- ‘ “perkhidmatan aplikasi” ertinya apa-apa perkhidmatan aplikasi dalam talian yang diluluskan oleh Majlis bagi pembayaran caj yang ditetapkan melalui telefon mudah alih atau peranti telekomunikasi lain;’;
- (e) dalam takrif “caj yang ditetapkan”, dengan menggantikan perkataan “Jadual-Jadual” dengan perkataan “Jadual Pertama”;
- (f) dalam takrif “kad meter”, dengan menggantikan perkataan “caj letak kereta yang ditetapkan” dengan perkataan “caj yang ditetapkan”;
- (g) dengan memasukkan selepas takrif “meter letak kereta jenis manual” takrif yang berikut:
- ‘ “orang kurang upaya” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];’;
- (h) dalam takrif “sepanjang jalan”, dengan menggantikan perkataan “Jadual Pertama” dengan perkataan “Jadual Kedua”;
- (i) dalam takrif “tempat letak kereta bermusim”, dengan menggantikan perkataan “Jadual Kedua” dengan perkataan “Jadual Pertama dan Jadual Kedua”;
- (j) dalam takrif “tempat letak kereta bertiket” dengan mengganti perkataan “Jadual Pertama” dengan perkataan “Jadual Pertama dan Jadual Kedua”; dan
- (k) dengan memasukkan selepas takrif “tempat letak kereta bayar dan peraga” takrif yang berikut:
- ‘ “tempat letak kereta pembayaran secara atas talian” ertinya tempat letak kereta yang bayaran caj yang ditetapkan dibuat secara atas talian;’.

---

**Pindaan perenggan 3**

4. Perenggan 3 Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga” dengan perkataan “Jadual Kedua”.

**Pindaan perenggan 6**

5. Perenggan 6 Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “caj letak kereta yang ditetapkan” dengan perkataan “caj yang ditetapkan”.

**Pindaan perenggan 8**

6. Perenggan 8 Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga” dengan perkataan “Jadual Pertama dan Jadual Kedua”.

**Pindaan perenggan 11**

7. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 11 dengan perenggan yang berikut:

**“Penetapan tempat letak kereta bertiket**

11. Majlis boleh menetapkan apa-apa caj dan masa letak kereta terkawal bagi tempat letak kereta bertiket sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

**Pindaan perenggan 13**

8. Perenggan 13 Perintah ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “caj ditetapkan” dengan perkataan “caj yang ditetapkan”.

**Pindaan perenggan 18**

9. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 18 dengan perenggan yang berikut:

**“Penetapan tempat letak kereta bermusim**

18. Majlis boleh menetapkan apa-apa caj dan waktu kawalan bagi tempat letak kereta bermusim sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

**Pindaan perenggan 20**

10. Perenggan 20 Perintah ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan (1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh diperoleh setelah dibayar caj sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Majlis.”.

**Pindaan perenggan 23**

11. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 23 dengan perenggan yang berikut:

**“Penetapan tempat letak kereta bermeter**

23. Majlis boleh menetapkan apa-apa caj dan waktu kawalan bagi tempat letak kereta bermeter sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

**Pindaan perenggan 29**

12. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 29 dengan perenggan yang berikut:

**“Penetapan tempat letak kereta bayar dan peraga**

29. Majlis boleh menetapkan apa-apa caj dan waktu kawalan bagi tempat letak kereta bayar dan peraga sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

**Pindaan perenggan 31**

13. Perenggan 31 Perintah ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “caj ditetapkan” dengan perkataan “caj yang ditetapkan”.

**Pindaan perenggan 38**

14. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 38 dengan perenggan yang berikut:

**“Penetapan tempat letak kereta berkupon**

38. Majlis boleh menetapkan apa-apa caj dan waktu kawalan bagi tempat letak kereta berkupon sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

**Pindaan perenggan 44**

15. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 44 dengan perenggan yang berikut:

**“Penetapan tempat letak kereta terkawal**

44. Majlis boleh menetapkan apa-apa caj yang ditetapkan dan waktu kawalan bagi tempat letak kereta terkawal sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

**Pindaan perenggan 46**

16. Perenggan 46 Perintah ibu dipinda dalam subperenggan (2) dengan menggantikan perkataan “caj sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama”.

---

**Pindaan perenggan 48**

17. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 48 dengan perenggan yang berikut:

**“Penetapan tempat letak kereta alat peraga berelektronik**

48. Majlis boleh menetapkan apa-apa caj dan waktu kawalan bagi tempat letak kereta alat peraga berelektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

**Pindaan perenggan 50**

18. Perenggan 50 Perintah ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “caj ditetapkan” dengan perkataan “caj yang ditetapkan”.

**Pindaan perenggan 52**

19. Perenggan 52 Perintah ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “caj ditetapkan” dengan perkataan “caj yang ditetapkan”.

**Bahagian baharu IXA**

20. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IX Bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN IXA****TEMPAT LETAK KERETA PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN****Penetapan tempat letak kereta pembayaran secara atas talian**

54A. Majlis boleh menetapkan apa-apa caj dan waktu kawalan bagi tempat letak kereta pembayaran secara atas talian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

**Tempat letak kereta pembayaran secara atas talian**

54B. Suatu tempat letak kereta pembayaran secara atas talian boleh dibahagikan kepada ruang-ruang letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

**Larangan meletak kenderaan tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan**

54c. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta pembayaran secara atas talian tanpa membayar caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Sebaik sahaja kenderaan diletakkan di petak letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan hendaklah membayar caj yang ditetapkan dengan membuat bayaran secara atas talian sama ada menerusi telefon mudah alih atau peranti telekomunikasi yang lain bagi amaun caj yang ditetapkan bagi tempoh meletak kereta yang dibenarkan untuk diletakkan dalam ruang letak kereta.

**Pematuhan syarat**

54D. (1) Mana-mana orang yang menggunakan tempat letak kereta pembayaran secara atas talian hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Larangan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh**

54E. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor terus berada di ruang letak kereta pembayaran secara atas talian selepas tamat tempoh masa kenderaan itu dibenarkan untuk diletakkan.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta perlu membuat bayaran secara atas talian dengan menggunakan telefon mudah alih atau peranti telekomunikasi yang lain bagi apa-apa caj yang ditetapkan dan untuk apa-apa tempoh kenderaan itu hendak diletak.

**Perenggan baharu 62A**

21. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 62 perenggan yang berikut:

**“Tempat letak kereta bagi orang kurang upaya**

62A. (1) Tiada seorang pun boleh meletakkan, menempatkan, memberhentikan atau meninggalkan mana-mana kenderaan motor di tempat letak kereta orang kurang upaya kecuali kenderaan motor itu mempamerkan pelekat kenderaan orang kurang upaya yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Pelekat kenderaan orang kurang upaya itu hendaklah dipamerkan pada kedudukan yang mudah dilihat pada kenderaan motor dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan.”.

**Pindaan perenggan 67**

22. Perenggan 67 Perintah ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan (2) dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Suatu permohonan untuk menggunakan ruang letak kereta khas hendaklah dibuat mengikut cara dan bentuk yang ditentukan oleh Majlis dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan suatu fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.”.

### Perenggan baharu 73A

23. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 73 perenggan yang berikut:

#### “Pengecualian caj

73A. Majlis boleh, menurut budi bicara mutlaknya, memberi pengecualian kepada mana-mana orang daripada membayar apa-apa caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Ketiga.”.

### Penggantian Jadual Pertama

24. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

#### “JADUAL PERTAMA

[Perenggan 11, 18, 23, 29, 38, 44, 48, 54A dan 67]

#### CAJ YANG DITETAPKAN BAGI JENIS TEMPAT LETAK KERETA

	(1)	(2)	(3)
Bil.	Jenis Tempat Letak Kereta	Caj Tempat Letak Kereta	Waktu Kawalan
1.	Tempat letak kereta bertiket	RM1.00 untuk 1 jam RM0.50 untuk 1 jam berikutnya	Ahad–Khamis  08.00 pagi–5.00 petang  Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma
2.	Tempat letak kereta bermusim	RM60.00 untuk 1 bulan	Ahad – Khamis  08.00 pagi – 5.00 petang  Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma
3.	Tempat letak kereta bermeter	RM0.10 untuk 5 minit  RM0.20 untuk 10 minit  RM0.30 untuk 15 minit	Ahad – Khamis  08.00 pagi – 5.00 petang

---

Bil.	(1) Jenis Tempat Letak Kereta	(2) Caj Tempat Letak Kereta	(3) Waktu Kawalan
		RM0.40 untuk 20 minit	Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma
		RM0.50 untuk 25 minit	
		RM0.60 untuk 30 minit	
		RM0.70 untuk 35 minit	
		RM0.80 untuk 40 minit	
		RM0.90 untuk 45 minit	
		RM1.00 untuk 50 minit	
		RM1.10 untuk 55 minit	
		RM1.20 untuk 60 minit	
4.	Tempat letak kereta bayar dan peraga	RM0.30 untuk 30 minit	Ahad – Khamis
		RM0.60 untuk 1 jam	08.00 pagi – 5.00 petang
		RM3.00 untuk 1 hari	Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma
		RM60.00 untuk 1 bulan	
5.	Tempat letak kereta berkupon	RM0.30 untuk 30 minit	Ahad – Khamis
		RM0.60 untuk 1 jam	08.00 pagi – 5.00 petang
		RM3.00 untuk 1 hari	Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma
		RM60.00 untuk 1 bulan	



Bil.	(1) Jenis Tempat Letak Kereta	(2) Caj Tempat Letak Kereta	(3) Waktu Kawalan
6.	Tempat letak kereta bagi alat peraga dan elektronik	RM0.30 untuk 30 minit	Ahad – Khamis
		RM0.60 untuk 1 jam	08.00 pagi – 5.00 petang
		RM3.00 untuk 1 hari	Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma
		RM60.00 untuk 1 bulan	
7.	Tempat letak kereta bayar secara atas talian	RM0.30 untuk 30 minit	Ahad – Khamis
		RM0.60 untuk 1 jam	08.00 pagi – 5.00 petang
		RM3.00 untuk 1 hari	Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma
		RM60.00 untuk 1 bulan	
8.	Tempat letak kereta terkawal	10 minit pertama percuma	Ahad – Khamis
		RM0.60 untuk 1 jam pertama	08.00 pagi – 5.00 petang
		RM0.30 untuk 30 minit seterusnya	Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma
		RM3.00 – RM30.00 sekali masuk	
		RM60.00 untuk 1 bulan	
9.	Petak letak kereta Khas	RM75.00 untuk 1 bulan	Ahad – Khamis
			08.00 pagi – 5.00 petang
			Jumaat, Sabtu dan hari kelepasan am percuma

**Pindaan Jadual Kedua**

25. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

## “JADUAL KEDUA

[Perenggan 11, 18, 23, 29, 38, 44, 48, 54A dan 67]

## KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA

Bil.	Kawasan
1.	Arked Kepala Batas
2.	Bandar Darulaman
3.	Bandar Darulaman Jaya
4.	Jalan Changloon-Kodiang (BSN Changloon)
5.	Jalan Jitra, Changlun (Pekan Lama)
6.	Jalan Kubang Lembu
7.	Jalan Protokol (Tabung Haji dan LHDN)
8.	Jalan Sintok, Changloon (Medan Selera)
9.	Jalan Sri Cempaka 2 (Chin Hin Home)
10.	Kolej Height Utara (Rumah Kedai Depan Kolej Heights Utara)
11.	Kompleks Jitra
12.	Kompleks Perniagaan Aman (Rumah Kedai Baharu Bersebelahan Tesco)
13.	Kompleks Perniagaan Jitra 2 (Rumah Kedai Sekitar Perniagaan Jitra 2)
14.	Pasar Tani Kekal Changlun (Sekitar Pasar Tani Changlun)
15.	Pekan Baru Changlun 2 (Kawasan Rumah Kedai)
16.	Pekan Changloon
17.	Pekan Jitra 2
18.	Pekan Jitra 3 (Kawasan Rumah Kedai Sekitar Pekan Jitra 3)
19.	Pekan Kepala Batas (Rumah Kedai Pekan Kepala Batas)
20.	Pekan Tanah Merah (Seluruh Kawasan Komersial Tanah Merah)
21.	Plaza Sri Tunku
22.	Pusat Bandar Barat, Bandar Darulaman
23.	Taman Bahagia (Rumah Kedai Taman Bahagia)
24.	Taman Damai Jaya

Bil.	Kawasan
25.	Taman Desa Perdana
26.	Taman Tunku Intan Syafinaz (Rumah Kedai Baru)
27.	Taman Jalai Jaya (Rumah Kedai Taman Jalai Jaya)
28.	Taman Kepala Batas (Rumah Kedai Taman Kepala Batas)
29.	Taman Siswa
30.	Taman Sri Changloon (Maybank)
31.	Taman Sri Halban
32.	Taman Teja Indah (Rumah Kedai Taman Teja Indah)
33.	Taman Tengku Maheran (Rumah Kedai Taman Tengku Maheran)
34.	Taman Tengku Maheran 1
35.	Taman Tengku Maheran 2

### Pindaan Jadual Ketiga

26. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut:

#### “JADUAL KETIGA

[subperenggan 55(4)]

#### CAJ BAGI PENGAPITAN, PENGHALANGAN DAN PENGALIHAN

(1)	(2)	(3)
No.	Butiran	Bayaran maksimum yang boleh dikenakan
1.	Bayaran Kompaun	RM300.00
2.	Bayaran untuk menanggal pengapit atau alih kereta	RM250.00
3.	Bayaran penahanan yang dikira bagi setiap hari sehingga tarikh kenderaan dilepaskan	RM5.00

Dibuat

[MDKP(UU)(UUK) 723/3/1-16/24; PUN(KD) 600-1/3/4]

AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN, A.M.K., B.C.K.  
 Yang Dipertua  
 Majlis Perbandaran Kubang Pasu

---

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (PROVISION OF PARKING PLACES)  
(KUBANG PASU MUNICIPAL COUNCIL) (AMENDMENT) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Kubang Pasu Municipal Council makes the following order:

**Citation**

1. This Order may be cited as the **Road Transport (Provision of Parking Places) (Kubang Pasu Municipal Council) (Amendment) Order 2022**.

**Amendment of paragraph 1**

2. Road Transport (Provision of Parking Places) (Kubang Pasu Municipal Council) Order 2016 [K.P.U. 8/2016], which is referred to as “principal Order” in this Order is amended by deleting subparagraph (5).

**Amendment of paragraph 2**

3. Paragraph 2 of the principal Order is amended—

(a) in the national language text, in the definition of the “electronic display gadgets”, by substituting for the words “caj ditetapkan” the words “caj yang ditetapkan”;

(b) by inserting after the interpretation of “electronic display gadgets” the following interpretation:

‘ “ telecommunication device” means any electronic device other than a mobile phone that can be used to access application service that approved by the Council;’;

(c) by inserting after the interpretation of “parking attendant” the following interpretation:

‘ “online payment” means any payment of any prescribed charge made online by any person using the application service approved by the Council through a mobile phone or other telecommunication device;’;

(d) by inserting after the interpretation of “telecommunication device” the following interpretation:

‘ “application service” means any online services approved by the Council for the payment of the prescribed charges through mobile phones or other telecommunication devices;’;

(e) in the definition of the “prescribed charge”, by substituting the words “Schedules” the words “First Schedule”;

- (f) in the definition of the “meter card”, by substituting the words “prescribed parking charge” the words “prescribed charge”;
- (g) by inserting after the interpretation of “the parking meter of the manual type” the following interpretation:
  - ‘ “disabled person” has the meaning assigned to it in the Persons With Disabilities Act 2008 [Act 685];’;
- (h) in the definition of “length of road” by substituting for the words “First Schedule” the words “Second Schedule”;
- (i) in the definition of the “season parking place”, by substituting for the words “Second Schedule” the words “First Schedule and Second Schedule”;
- (j) in the definition of the “ticketed parking place” by substituting for the words “First Schedule” the words “First Schedule and Second Schedule”; and
- (k) by inserting after the interpretation of “pay and display parking place” the following interpretation:
  - ‘ “online payment parking place” means the parking of which the payment of the prescribed charges is made online;’.

#### **Amendment of paragraph 3**

4. Paragraph 3 of the principal Order is amended by substituting for the words “First, Second and Third Schedules” the words “Second Schedule”.

#### **Amendment of paragraph 6**

5. Paragraph 6 of the principal Order is amended by substituting for the words “prescribed parking charge” the words “prescribed charge”.

#### **Amendment of paragraph 8**

6. Paragraph 8 of the principal Order is amended by substituting for the words “First, Second and Third Schedule” the words “First Schedule and Second Schedule”.

#### **Amendment of paragraph 11**

7. The principal Order is amended by substituting for paragraph 11 the following paragraph:

#### **“Designation of ticket parking place”**

“11. The Council may designate any charge and controlled parking hours for the ticket parking place as specified in the First Schedule.”.

**Amendment of paragraph 13**

8. Paragraph 13 of the principal Order is amended in the national language text by substituting for the words “caj ditetapkan” the words “caj yang ditetapkan”.

**Amendment of paragraph 18**

9. The principal Order is amended by substituting for paragraph 18 the following paragraph:

**“Designation of seasonal parking place**

18. The Council may designate any charge and controlled parking hours for the seasonal parking place as specified in the First Schedule.”.

**Amendment of paragraph 20**

10. The principal Order is amended by substituting for subparagraph (1) the following subparagraph:

“(1) A seasonal parking ticket may be obtained upon payment of the prescribed charge as specified in the First Schedule and shall be subject to any condition imposed by the Council.”.

**Amendment of paragraph 23**

11. The principal Order is amended by substituting for paragraph 23 the following paragraph:

**“Designation of metered parking place**

23. The Council may designate any charge and controlled parking hours for the metered parking place as specified in the First Schedule.”.

**Amendment of paragraph 29**

12. The principal Order is amended by substituting for paragraph 29 the following paragraph:

**“Designation of pay and display parking place**

29. The Council may designate any charge and controlled parking hours for the display parking place as specified in the First Schedule.”.

**Amendment of paragraph 31**

13. Paragraph 31 of the principal Order is amended in the national language text by substituting for the words “caj ditetapkan” with the words “caj yang ditetapkan”.

**Amendment of paragraph 38**

14. The principal Order is amended by substituting for paragraph 38 the following paragraph:

**“Designation of coupon parking place**

38. The Council may designate any charge and controlled parking hours for the coupon parking place as specified in the First Schedule.”.

**Amendment of paragraph 44**

15. The principal Order is amended by substituting for paragraph 44 the following paragraph:

**“Designation of controlled parking place**

44. The Council may designate any charge and controlled parking hours for the controlled parking place as specified in the First Schedule.”.

**Amendment of paragraph 46**

16. Paragraph 46 of the principal Order is amended in subparagraph (2) by substituting for the words “charge as specified in Schedule Three” the words “prescribed charge in the First Schedule”.

**Amendment of paragraph 48**

17. The principal Order is amended by substituting for paragraph 48 the following paragraph:

**“Designation of parking place by electronic display gadget**

48. The Council may designate any charge and controlled parking hours for the parking place for electronic display gadget as specified in the First Schedule.”.

**Amendment of paragraph 50**

18. Paragraph 50 of the principal Order is amended in the national language text by substituting for the words “caj ditetapkan” with the words “caj yang ditetapkan”.

**Amendment of paragraph 52**

19. Paragraph 52 of the principal Order is amended in the national language text by substituting for the words “caj ditetapkan” with the words “caj yang ditetapkan”.

**New part IXA**

20. The principal Order is amended by inserting after Part IX the following Part:

“PART IXA

ONLINE PAYMENT PARKING PLACE

**Designation of the online payment parking place**

54A. The Council may designate any charge and controlled parking hours for the online payment parking place as specified in the First Schedule.

**Online payment parking place**

54B. Online payment parking place may be divided into parking spaces as may be determined by the Council.

**Prohibition on parking without payment of prescribed charge**

54C. (1) No person shall park any motor vehicle in an online payment parking place without payment of the prescribed charge in the First Schedule.

(2) As soon as a motor vehicle is parked in a parking space, the driver or the owner of the motor vehicle shall pay the prescribed charge by online payment either by mobile phone or other telecommunication devices to the amount of the prescribed charge for such parking period that is permitted to park in the parking space.

**Compliance with conditions**

54D. (1) Any person who uses the online payment parking place shall comply with the conditions imposed by the Council.

(2) Any person who contravenes subparagraph (1) commits an offence.

**Prohibition on parking after the expiration of the parking period**

54E. (1) No person shall permit or cause any motor vehicle to continue to be parked on the online payment parking space after the expiry of the period of time the motor vehicle is allowed to be parked.

(2) Any person who wishes to extend the parking period shall make the online payment by using the mobile phone or other telecommunication devices for any prescribed charge and for any period the vehicle is to be parked.



---

**New paragraph 62A**

21. The principal Order is amended by inserting after paragraph 62 the following paragraph:

**“Parking place for disabled persons**

62A. (1) No person may park, place, stop or leave any motor vehicle in a parking place for vehicles of persons with disabilities unless the motor vehicle displays a sticker for vehicles of persons with disabilities issued by the relevant authority.

(2) The sticker for vehicles of persons with disabilities shall be displayed at a conspicuous part of the motor vehicle and in the manner as determined by the relevant authorities.

(3) Any person who contravenes subparagraph (1) and (2) commits an offence.”.

**Amendment of paragraph 67**

22. Paragraph 67 of the principal Order is amended by substituting for subparagraph (2) the following subparagraph:

“(2) An application for a special parking space shall be made in the manner and form as may be determined by the Council and such application shall be accompanied by a fee as prescribed in the First Schedule.”.

**New order 73A**

23. The principal Order is amended by inserting after paragraph 73 the following paragraph:

**“Exemption of charge**

73A. The Council may, in his absolute discretion, grant exemption to any person from paying any charge prescribed in the First Schedule and Third Schedule.”.

**Amendment of First Schedule**

24. The principal Order is amended by substituting for the First Schedule the following Schedule:

## "FIRST SCHEDULE

[Paragraph 11, 18, 23, 29, 38, 44, 48, 54A and 67]

## PRESCRIBED CHARGE FOR PARKING PLACE

	(1)	(2)	(3)
No.	Type of parking place	Parking charge	Controlled hours
1.	Ticket parking place	RM1.00 for 1 hour RM0.50 for additional 1 hour	Sunday – Thursday  08.00 a.m – 5.00 p.m.  Friday, Saturday and public holiday free
2.	Seasonal parking place	RM60.00 for 1 month	Sunday – Thursday  08.00 a.m – 5.00 p.m.  Friday, Saturday and public holiday free
3.	Tempat Letak Kereta Bermeter	RM0.10 for 5 minutes  RM0.20 for 10 minutes  RM0.30 for 15 minutes  RM0.40 for 20 minutes  RM0.50 for 25 minutes  RM0.60 for 30 minutes  RM0.70 for 35 minutes  RM0.80 for 40 minutes	Sunday – Thursday  08.00 a.m – 5.00 p.m.  Friday, Saturday and public holiday free

No.	(1) Type of parking place	(2) Parking charge	(3) Controlled hours
		RM0.90 for 45 minutes	
		RM1.00 for 50 minutes	
		RM1.10 for 55 minutes	
		RM1.20 for 60 minutes	
4.	Pay and display parking place	RM0.30 for 30 minutes	Sunday – Thursday 08.00 a.m – 5.00 p.m.
		RM0.60 for 1 hour	
		RM3.00 per day	Friday, Saturday and public holiday free
		RM60.00 per month	
5.	Coupon parking place	RM0.30 for 30 minutes	Sunday – Thursday 08.00 a.m – 5.00 p.m.
		RM0.60 for 1 hour	
		RM3.00 per day	Friday, Saturday and public holiday free
		RM60.00 per month	
6.	Parking place for electronic and display gadget	RM0.30 for 30 minutes	Sunday – Thursday 08.00 a.m – 5.00 p.m.
		RM0.60 for 1 hour	
		RM3.00 per day	Friday, Saturday and public holiday free
		RM60.00 per month	
7.	Online payment parking place	RM0.30 for 30 minutes	Sunday – Thursday 08.00 a.m – 5.00 p.m.
		RM0.60 for 1 hour	
		RM3.00 per day	Friday, Saturday and public holiday free
		RM60.00 per month	

	(1)	(2)	(3)
No.	Type of parking place	Parking charge	Controlled hours
8.	Controlled parking place	First 10 minutes free RM0.60 for the first 1 hour RM0.30 for the next 30 minutes RM3.00 – RM30.00 per entry RM60.00 for 1 month	Sunday – Thursday 08.00 a.m – 5.00 p.m. Friday, Saturday and public holiday free
9.	Special parking place	RM75.00 for 1 month	Sunday – Thursday 08.00 a.m – 5.00 p.m. Friday, Saturday and public holiday free

### Amendment of Second Schedule

25. The principal Order is amended by substituting for the Second Schedule the following Schedule:

#### “SECOND SCHEDULE

[Paragraph 11, 18, 23, 29, 38, 44, 48, 54A and 67]

#### THE AREA OF THE PARKING PLACES

No.	Area
1.	Arked Kepala Batas
2.	Bandar Darulaman
3.	Bandar Darulaman Jaya
4.	Jalan Changloon-Kodiang (BSN Changloon)
5.	Jalan Jitra, Changlun (Pekan Lama)

---

No.	Area
6.	Jalan Kubang Lembu
7.	Jalan Protokol (Tabung Haji dan LHDN)
8.	Jalan Sintok, Changloon (Medan Selera)
9.	Jalan Sri Cempaka 2 (Chin Hin Home)
10.	Kolej Height Utara (Rumah Kedai Depan Kolej Heights Utara)
11.	Kompleks Jitra
12.	Kompleks Perniagaan Aman (Rumah Kedai Baharu Bersebelahan Tesco)
13.	Kompleks Perniagaan Jitra 2 (Rumah Kedai Sekitar Perniagaan Jitra 2)
14.	Pasar Tani Kekal Changlun (Sekitar Pasar Tani Changlun)
15.	Pekan Baru Changlun 2 (Kawasan Rumah Kedai)
16.	Pekan Changloon
17.	Pekan Jitra 2
18.	Pekan Jitra 3 (Kawasan Rumah Kedai Sekitar Pekan Jitra 3)
19.	Pekan Kepala Batas (Rumah Kedai Pekan Kepala Batas)
20.	Pekan Tanah Merah (Seluruh Kawasan Komersial Tanah Merah)
21.	Plaza Sri Tunku
22.	Pusat Bandar Barat, Bandar Darulaman
23.	Taman Bahagia (Rumah Kedai Taman Bahagia)
24.	Taman Damai Jaya
25.	Taman Desa Perdana
26.	Taman Tunku Intan Syafinaz (Rumah Kedai Baru)
27.	Taman Jalai Jaya (Rumah Kedai Taman Jalai Jaya)
28.	Taman Kepala Batas (Rumah Kedai Taman Kepala Batas)
29.	Taman Siswa

---

No.	Area
30.	Taman Sri Changloon (Maybank)
31.	Taman Sri Halban
32.	Taman Teja Indah (Rumah Kedai Taman Teja Indah)
33.	Taman Tengku Maheran (Rumah Kedai Taman Tengku Maheran)
34.	Taman Tengku Maheran 1
35.	Taman Tengku Maheran 2

### Amendment of Third Schedule

26. The principal Order is amended by substituting for the Third Schedule the following Schedule:

“THIRD SCHEDULE

[subparagraph 55(4)]

### CHARGE FOR CLAMPING, REMOVAL AND DETENTION OF VEHICLE

(1) No.	(2) Item	(3) Maximum charge
1.	Compound	RM300.00
2.	Removal and clamping charge	RM250.00
3.	Detention charge of vehicle calculated for each day until vehicle is release	RM5.00

Made

[MDKP(UU)(UUK) 723/3/1-16/24; PUN(KD) 600-1/3/4]

AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN, A.M.K., B.C.K.

*President*

*Kubang Pasu Municipal Council*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA